

AAB

Mahathir

UM YAKIN SUMBANGAN LAOS KEPADA PEMBANGUNAN SERANTAU AKAN MENINGKAT
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

1

VIENTIANE, 16 April (Bernama) — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau yakin yang Laos akan memperkukuhkan hubungannya dengan negara anggota Asean dan Asia Timur ketika ekonominya semakin membangun.

Langkah itu akan mempertingkatkan sumbangan Laos kepada pembangunan rantau ini, kata Perdana Menteri.

Pembangunan di negara-negara Asia Tenggara dan Asia Timur akan menggerakkan pembangunan di Laos, kata Dr Mahathir semasa berucap pada mesyuarat bersama antara para usahawan Malaysia dan Laos, di sini.

Oleh itu, pertubuhan serantau seperti Asean dan Rundingan Ekonomi Asia Timur atau EAEC amat relevan kepada kepentingan ekonomi Laos.

Katanya, kadar pertumbuhan yang tinggi dan mantap yang dicatatkan di kalangan negara anggota Asean pada masa lalu dan dengan pencapaian ekonomi yang setanding yang dicapai banyak negara lebih dinamik di Asia Timur, telah menjadikan rantau ini menjadi sebuah kawasan komersil dan pembuatan yang cergas. -- Lagi.

▼16/04/19-46MST

CNS5095

U GB 16-04 00138 BH887

AAB

Mahathir 2 Vientiane

Ini telah mendatangkan faedah kepada perdagangan serantau dan pengaliran pelaburan yang dengan itu telah memperkukuhkan lagi saling pergantungan antara ekonomi-ekonomi negara Asia Timur.

Perdana Menteri menggesa sektor swasta kedua-dua negara agar merebut pelbagai peluang perniagaan yang amat luas yang wujud antara kedua-dua negara khususnya dalam bidang perdagangan, pelaburan dan perkhidmatan.

Beliau memberitahu usahawan Laos bahawa dengan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat kini, dasar import yang liberal dan dengan bilangan penduduk mewah yang semakin bertambah, pasaran di Malaysia dijangka semakin penting bagi barangan dari para pembekal asing termasuk Laos.

Katanya, prospek bagi barangan Laos terutamanya barangan pertanian, komoditi utama dan barangan pertengahan amat baik sekali.

Malaysia kini ialah negara pasaran import ke-19 terbesar di dunia dengan import tahun lepas sahaja berjumlah AS\$45,000 juta. -- Lagi.

▼16/04/19-59MST

CNS5098

U GB 16-04 00137 BH888

AAB

Mahathir 3 Vientiane

Perdana Menteri berkata, sebaliknya Malaysia boleh menawarkan sejumlah barangan siap pada harga yang kompetitif. Ini termasuk makanan yang diproses, barangan pengguna, bahan binaan dan berbagai-bagai lagi barangan.

Beliau berkata, kedua-dua kerajaan akan terus meningkatkan peraturan keinstitutionian sedia ada, di mana perlu, untuk memberi keyakinan kepada sektor swasta menjalankan perniagaan secara berterusan.

Sebelum itu, Perdana Menteri dan rombongan yang tiba di ibu negara ini dari Phnom Penh pagi ini bagi meneruskan lawatan rasmi empat hari ke Indochina mengunjungi Presiden Nouhak Phoumsavanh di Istana Presiden.

Petang ini, beliau mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, Khamtay Siphandone mengenai isu-isu dua hala dan serantau.

Kedua-dua orang pemimpin itu kemudian menyaksikan upacara menandatangani Perjanjian Peraturan Pembayaran Dua Hala oleh wakil-wakil bank pusat kedua-dua negara di pejabat Siphandone. -- Lagi.

▼16/04/19-04MST

CNS5099

U GB 16-04 00105 BH889

AAH

Mahathir 4 (Akhir) Vientiane

Timbangan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Lin See Yan menandatangani bagi pihak bank pusat Malaysia manakala Laos diwakili gabenor Bank Negara Laos, Boussbong Savounnavong.

Malam ini, Dr Mahathir menjadi tetamu di majlis jamuan negara oleh Khamtay.

Esok, Perdana Menteri dan rombongannya termasuk Datuk Seri Datin paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, melawat bandaraya bersejarah Luang Prabang.

Pada hari Isnin, beliau akan melawat Jambatan Persahabatan, satu binaan yang menakjubkan dan simbolik yang menghubungkan Laos dan Thailand merentangi Sungai Mekong di sempadan Laos-Thailand, sebelum berlepas pulang.

— Bernama.

ARES OA KAM...